

TFC II yakin julang Piala Cabaran

Oleh KAMARIAH KHALIDI



TENGGU HAZMAN (dua dari kiri) bersama Jurulatih UKM FC, Sulalman Hussin (dua dari kanan) memegang trofi Piala Cabaran menjelang perlawanan akhir kedua di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu malam ini.

KETUA Jurulatih Terengganu FC II (TFC II), Tengku Hazman Raja Hassan optimis skuad kendaliannya mampu mengatasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) FC pada perlawanan akhir kedua di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu malam ini, sekali gus merangkul kejuaraan edisi sulung Piala Cabaran.

Beliau yang sebelum ini menggalas tugas sebagai Penolong Jurulatih TFC II berkata, sekiranya nasib berpihak kepada skuad Pantai Timur itu, maka kejayaan menjulang Piala Cabaran merupakan hadiah paling manis selepas aksi suram sepanjang kempen Liga Premier.

"Ini merupakan pertemuan

keenam antara TFC II dengan UKM FC, jadi sudah semestinya kami mengetahui kelebihan serta kekurangan pasukan masing-masing.

"Saya sentiasa mengingatkan pemain untuk memanfaatkan setiap peluang yang ada selain perlu mengelak daripada melakukan kesilapan kecil supaya tidak mengganggu rentak perlawanan.

"Pentas final ini ibarat peluang yang terbuka kerana kedua-dua pasukan mampu untuk menjuarai perlawanan tersebut," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu, Wisma Seri Amar, Kuala Terengganu semalam.

Pada perlawanan akhir pertama Piala Cabaran 2018, UKM FC gagal menggunakan kelebihan beraksi di gelanggang sendiri se-

lepas sekadar terikat 2-2 dengan TFC II di Stadium Shah Alam.

Keputusan tersebut menyaksikan kelebihan memihak kepada TFC II yang memperoleh dua gol di tempat lawan sebagai bekalan bagi aksi timbal balik di Kuala Terengganu.

Mengulas lanjut, Tengku Hazman berkata, tidak timbul isu Piala Cabaran hanya dianggap sebagai trofi sampingan kerana rata-rata pasukan yang beraksi tidak kurang hebatnya.

"Nilai piala ini tinggi buat pasukan kerana kami yang bersaing pada kejohanan itu dan akan memastikan kejuaraan memihak TFC II. Saya berharap para pemain merasai apa yang saya rasa dan bermain dengan bersungguh-sungguh demi kehormatan dan kebanggaan," ujarnya.